

Tidak ada penyelewengan dalam akaun kerajaan: KM

BH - 8 JUN 2000

MELAKA, Rabu— Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam, percaya tidak berlaku penyelewengan dalam kehilangan hasil berjuta ringgit akibat tidak direkodkan dalam akaun kerajaan negeri dan berapa jabatan serta agensinya.

Sebaliknya, beliau berkata masalah itu berpunca daripada pengurusan kewangan yang tidak mengemaskinikan rekod akaun akibat kecuaiannya serta sikap tidak bertanggungjawab mereka yang terbabit.

“Banyak kelalaian seperti haucer tidak dapat dikcuan, resit hilang, duit masuk tidak sama dengan baki dan buku penyata kewangan tidak dipenuhi,” katanya kepada pemberita selepas meraikan Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Sakaran Dandai pada majlis makan tengah hari di Hotel Equatorial, di sini hari ini.

Sakaran bersama isteri, Toh Puan Siti Rukaiyah Abdullah melakukan lawatan tidak rasmi ke Melaka dengan mengunjungi kompleks sejarah Bukit St Paul serta muzium di Bandar Hilir. Taman Merak di Ayer Keroh dan A Famosa Golf Resort di Alor Gajah.

Ahad lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegur sesetengah kerajaan negeri kerana masih gagal melaksanakan pengurusan kewangan dengan teliti sehingga menyebabkan kehilangan hasil berjuta ringgit.

Ini berikutan kenyataan Timbalan Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR), Datuk Ahmad Said Hamdan, hahawa BPR sedang menyiasat kehilangan wang berjuta-juta ringgit dalam akaun beberapa jabatan dan agensi kerajaan negeri.

Mohd Ali berkata, siasatan yang sedang dijalankan oleh BPR adalah tugas agensi berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan negeri sedang mengambil tindakan dengan melantik firma audit luar untuk mengemaskinikan rekod akaun kerajaan negeri dan beberapa jabatan serta agensi terbabit.

“Kelemahan ini bukan saja dihadapi kerajaan negeri tetapi juga agensi seperti Kumpulan Melaka Berhad, Kolej Islam Melaka (KIM), Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan Perbadanan Air Melaka (Pam),” katanya.